

Rencana Pengarang

faedah selain daripada menyusahkan dan menghimpit kehidupan mereka.

Di dalam persoalan ini, kita berharap kepada Tengku Perdana Menteri mencari suatu jalan untuk menyelesaikan soal ini di meja perundingan supaya akibat ini tidak menyusahkan sebahagian daripada rakyat kedua-dua negara yang tidak berdosa dan mahu hidup dengan aman dan bahagia. Kita syorkan mencari jalan ini, sebagai sifat beliau seorang pemimpin yang tua dan suka kepada keamanan dan damai tentunya ada jalan-jalan yang lain selain daripada balas-membalas yang tidak membawa keuntungan selain daripada merugikan.

Kita masih ingat dan sentiasa ingat akan kata-kata beliau, sebagai seorang tua bahawa beliau tidak mahu menumpahkan darah di dalam peristiwa Singapura dahulu, dan kerana itu beliau melepaskan Singapura daripada Malaysia dengan cara yang baik. Di dalam masa itu pula kepada orang-orang Melayu Singapura khususnya, beliau di dalam salah satu ucapannya mempelawa sesiapa-sesiapa yang tidak betah duduk di Singapura supaya berhijrah ke Malaysia bahkan beliau bersedia memberi tanah-tanah untuk mereka di daerah Johor.

Ini masih terdengar-dengar lagi oleh rakyat Singapura yang tidak gemar Singapura dikeluarkan dari Malaysia dahulu, dan ucapan beliau itu memberi harapan kepada mereka. Dan kerana itu mungkin sedikit demi sedikit orang-orang Singapura berpindah

ke mari untuk mencari sara hidup mereka bahkan berpindah dengan anak pinaknya untuk bermastautin di negeri ini kerana tidak betah tinggal di Singapura lagi.

Berdasarkan kepada tawaran inilah mereka mungkin ke mari dan sekarang menghadapi suatu hal yang mengakibatkan hidup mereka porak-peranda – mencari rumah baharu, tempat tinggal, sekolah anak-anaknya dan akhirnya pekerjaan untuk mencari sara hidup mereka terancam.

Kita mengharapkan kedua-dua golongan yang terlibat supaya hal yang belum hancur ini dapat diperbaiki dengan segera dan semua berharap kepada Tengku akan menyelamatkan hal ini bukan sahaja bagi rakyat Malaysia tetapi juga rakyat Singapura yang pernah dipelawa beliau tinggal di Malaysia ini. Selamatkanlah keadaan setengah million manusia yang bakal menerima akibat-akibat itu.

* * *

Lawatan Tengku Ke Indonesia

Perdana Menteri Malaysia, Tengku Abdul Rahman, telah mengadakan lawatan rasminya ke Indonesia pada bulan *March* yang lalu iaitu lawatan yang pertama sesudah tamat Konfrontasi di antara Indonesia dengan Malaysia. Dengan tamatnya Konfrontasi bermakna “pertentangan” di antara orang bersaudara sedarah sedaging itu telah berakhir, dan lawatan Tengku ke Indonesia adalah membuktikan bagaimana rapatnya perkaitan darah di antara kedua negara yang serumpun itu yang kalaupun juga dicincang tidak putus – bak seperti mencincang air dicincang bertaut juga.

Suatu usaha yang sangat menarik yang dilaksanakan oleh Tengku ialah meminta orang-orang Indonesia, yang terdiri daripada kaum buruh, pergi ke Malaysia Timur untuk membuka sawah bagi mendapatkan hasil makanan yang mencukupi bagi tanah air Malaysia ini. Tawaran ini tentunya besar sekali ertinya di dalam bidang ekonomi selain daripada bidang persaudaraan, kerana Tengku memilih Indonesia daripada lainnya di dalam menyelenggarakan projek itu.

Usaha Tengku ini mengingatkan kita kepada maksud dan tujuan Allah-yarham Dato' Onn dahulu di mana beliau meminta supaya buruh-buruh dari Indonesia dibawa ke Malaya – tidak dari Cina dan India – seperti yang dijalankan di zaman penjajahan dahulu yang menghidupkan semangat “pecah-pecah kemudian perintah”.

Kita berharap langkah Tengku ini akan berjaya dan akan segera berjalan dan dilaksanakan, kerana nampaknya beberapa banyak perkara yang berhubungan di antara kedua negara adik-beradik ini dibuat – tetapi pelaksanaannya belum lagi nampaknya – umpamanya sahaja mahu mengambil “dosen” atau guru-guru untuk dibawa ke Malaysia yang hingga hari ini tidak terdengar atau belum dilihat bukti-buktiinya.

Mudah-mudahan segala langkah dan usaha yang dijalankan oleh Tengku akan terlaksana dengan segera supaya hubungan sedarah sedaging itu benar-benar dibuktikan demi untuk membina dasar bantu-membantu di antara satu sama lain.